

Headline	TH serah zakat RM2.7j kepada PKZ Pahang		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Mar 2014	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	23	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	120 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,097
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,291



TH serah zakat RM2.7j kepada PKZ Pahang

Kuantan: Syarikat korporat dinasihatkan menyerahkan zakat perniagaan masing-masing kepada Pusat Kutipan Zakat negeri bagi memudahkan urusan pengagihan.

Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah, berkata kelewatkan penyerahan zakat akan menyebabkan pelbagai program dirancang bagi membantu golongan kurang bernasib baik gagal dilaksanakan dengan lancar.

"Usaha syarikat korporat seperti Lembaga Tabung Haji (TH) wajar diteladani dan sudah pasti menjadi contoh kepada syarikat lain.

"Saya berterima kasih kepada TH dan mendoakan

agar apa saja usaha mereka akan terus membawaikan hasil dan berjaya," katanya.

Majlis Penyampaian Zakat Perniagaan TH 2013

Beliau berkata demikian kepada media selepas Majlis Penyampaian Zakat Perniagaan TH 2013 kepada Pusat Kutipan Zakat Pahang di Istana Abdul Aziz, di sini, semalam.

Zakat perniagaan berjumlah RM2.7 juta itu disampaikan Ketua Pegawai Operasi TH, Datuk Seri Kamarudin Mat Ali kepada Tengku Abdullah.

Timbalan Yang Dipertua Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), Datuk Seri Wan

Abdul Wahid Wan Hassan, turut hadir.

Sementara itu, Kamarudin berkata, jumlah keseluruhan zakat perniagaan TH bagi tahun kewangan 2013 ialah RM46.3 juta dan akan diagihkan kepada semua negeri secara berperingkat.

Sebelum ini, TH sudah menyerahkan zakat perniagaan kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kelantan dan Negeri Sembilan.

"Peningkatan 10 peratus zakat perniagaan ini didorong prestasi pendapatan keseluruhan TH yang menunjukkan peningkatan memberangsangkan sepanjang tahun lalu," katanya.